



# RISDA

PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

## KENYATAAN TENDER

Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) mempelawa **Kontraktor-Kontraktor** yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) untuk mengemukakan tawaran bagi menjalankan kerja-kerja seperti berikut :-

No. Tender	Tajuk Kerja	Syarat-Syarat Pendaftaran	Lawatan Tapak	Harga Dokumen Tender	Tempoh Pembelian Dokumen Tender	Tarikh/ Waktu Tutup/ Pejabat Yang Mengeluarkan Tender
7.0 - 12/2020	CADANGAN MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA SEBUAH BANGUNAN BILIK KULIAH DUA TINGKAT DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 981, INSTITUT KEMAJUAN PEKEBUN KECIL (IKPK) RISDA PADANG RENGAS MUKIM KAMPONG BUAYA, DAERAH KUALA KANGSAR, PERAK DARUL RIDZUAN.	PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR (PPK) OLEH CIDB  SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK) OLEH CIDB  BERDAFTAR DENGAN CIDB GRED G4,  Kategori B Pengkhususan B04  SIJIL TARAF BUMIPUTERA (STB) OLEH PKK ATAU MEDAC	Tarikh:  <u>11/11/2020</u> <b>( RABU )</b>  <u>Jam 10.00 pagi</u>  <b>KEHADIRAN DIWAJIBKAN</b>  Petender diminta berkumpul di :-  <b>DEWAN BUNGARAYA, IKPK PERAK,</b> Padang Rengas, 33700 Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan. (Tel:05-7584101)	<b>RM 800.00</b>	Mulai pada  <b>12/11/2020</b>  Sehingga  <b>03/12/2020</b>	<b>03/12/2020</b>  <b>Tepat Jam 12.00 Tengahari</b>  Urusetia :  <b>PEJABAT RISDA NEGERI PERAK</b> Lot 189716, Jalan Sultan Azlan Shah Utara, 31400 Ipoh, Perak Darul Ridzuan. (Tel:05-5453723)

1. Bayaran dokumen tender hendaklah dalam bentuk Wang Tunai/Kiriman Wang Pos atau Deraf Bank atas nama "RISDA AKAUN BHG KEWANGAN". Bayaran ini tidak akan dikembalikan.

Isnin hingga Khamis : Dari jam 9.00 pagi – 12.00 tengahari & 2.30 petang – 3.30 petang  
Jumaat : Dari jam 9.00 pagi – 11.45 tengahari & 3.00 petang – 3.30 petang

2. Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada kontraktor yang Sah saja. **Satu kontraktor** dibenarkan membeli hanya **satu naskah** dokumen tender sahaja . Untuk maksud ini, kontraktor wajib membawa **SIJIL LAWAT TAPAK ASAL, SIJIL PENDAFTARAN ASAL PKK** dan **CIDB** yang masih sah tempoh pendaftaran serta **DUA salinan pendua kedua-dua sijil berkenaan** untuk simpanan dan rekod pejabat ini semasa **membeli dokumen tender. PERKHIDMATAN FOTOSTAT TIDAK DISEDIAKAN.**

Peringatan: **Hanya penama** di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) (**1 orang sahaja**) yang boleh menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat tender penama dan mematuhi Prosedur Operasi Standard Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

3. Dokumen tender yang telah sempurna diisi dan ditandatangani hendaklah dimasukkan dalam **sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan jelas Nombor Tender dan Tajuk Kerja** dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender Unit Pentadbiran Dan Kejuruteraan Pejabat RISDA Negeri Perak, Lot 189716, Jalan Sultan Azlan Shah Utara, 31400 Ipoh, Perak tidak lewat daripada 03/12/2020 sebelum jam 12.00 tengah hari.**

4. RISDA tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tawaran ini dan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau sebarang tawaran. Bukti pos tidak dianggap sebagai bukti penerimaan.

**"PEMBERI & PENERIMA RASUAH ADALAH SALAH  
DI BAWAH AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (AKTA 694)"**

**TARIKH IKLAN : 05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)**